

21 JUL 1999

KESATUAN GURU SOKONG PM BERHUBUNG KELEMAHAN PELAJAR MELAYU

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) hari ini menggesa para pendidik supaya lebih komited membantu usaha kerajaan meningkatkan kecemerlangan pendidikan pelajar Melayu dan Bumiputera.

"Inilah masa yang cukup baik untuk cendekiawan membantu dalam usaha murni ini," kata Setiausaha agung KPPK N.Siva Subramaniam dalam satu kenyataan di sini.

Beliau mengulas ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang melahirkan rasa sedih dengan pencapaian pelajar Melayu yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan pelajar bukan Bumiputera.

Beliau berkata kenyataan Perdana Menteri itu harus diakui kerana pelajar Melayu tidak begitu berminat untuk mencapai kecemerlangan pendidikan tinggi lebih-lebih lagi di bidang teknologi maklumat.

Memang benar kita dapati sikap dan minat pelajar Melayu dan Bumiputera lebih kepada bidang lain sedangkan inilah masanya mereka perlu mendalami bidang ilmu seperti teknologi maklumat untuk menghadapi masa depan yang sesuai dengan kemajuan dan perubahan dunia, katanya.

Siva Subramaniam berkata kerajaan telah menyediakan kemudahan pendidikan yang terbaik di negara ini dan pelajar seharusnya merebut peluang ini untuk mencapai keputusan yang lebih cemerlang.

-- BERNAMA

JAY RON